



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL.7 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN PROGRAM INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA, BANTUAN
MOBILITI DAN PROGRAM LATIHAN INSENTIF PENJANA KERJAYA (IPK)
DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Majikan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan mengenai pelaksanaan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*), Bantuan Mobiliti dan Program Latihan Insentif Penjana Kerjaya (IPK) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 telah membuat pengumuman berhubung pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai pelan pemulihan ekonomi negara impak daripada penularan COVID 19. Pelan ini merangkumi 3 Insentif iaitu Program Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*), Bantuan Mobiliti dan Program Latihan Insentif Penjana Kerjaya (IPK) yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO bagi melaksanakan fungsi *National Employment Services* serta menambah baik Portal Pekerjaan Negara iaitu **MYFutureJobs**.

- 2.2. Inisiatif ini bertujuan merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan kebolehpekerjaan serta peluang pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Insentif di bawah Penjana Kerjaya meliputi 4 kategori yang berikut:
- i. **#MyApprentice:** Insentif Perantisan bagi majikan yang mengambil pencari kerja tempatan secara perantis dan keutamaan diberi kepada *fresh graduate* dan pelajar lepasan sekolah.
 - ii. **#HireMalaysia** - Insentif Pengambilan Pekerja bagi majikan yang menggaji pencari kerja tempatan. Terdapat tiga kumpulan sasar bagi kategori insentif ini, iaitu—
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan **di bawah umur 40 tahun**;
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan berumur **40 tahun dan ke atas**; dan
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan dalam **golongan mudah terjejas** terutamanya Orang Kurang Upaya (OKU) dan peserta Program *Return to Work* PERKESO.
 - iii. **Bantuan Mobiliti (Mobility Assistance):** bayaran one-off kepada pekerja yang berpindah dari lokasi semasa pencari kerja bermastautin.
 - iv. **Program Latihan:** menyediakan latihan semula (*reskilling and upskilling*) pekerja yang diambil di bawah kategori **#HireMalaysia** berdasarkan keperluan pekerjaan dan perusahaan majikan.

- 2.3 Portal **MYFutureJobs** (<https://www.myfuturejobs.gov.my/>) dibangunkan sebagai pelengkap kepada Program Insentif Pengambilan Pekerja

dengan matlamat memastikan aktiviti pasaran buruh negara ini dilaksanakan secara efisyen dan berkesan. Bagi melayakkan majikan memohon insentif pengambilan pekerja, majikan **diwajibkan** mendaftar kekosongan jawatan dan mengambil pencari kerja melalui portal **MYFutureJobs**.

3. SYARAT KELAYAKAN MEMOHON INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA (HIRING INCENTIVES), BANTUAN MOBILITI DAN PROGRAM LATIHAN DI BAWAH PENJANA KERJAYA

- 3.1 Majikan sektor swasta yang ingin menyertai Program Penjana Kerjaya hendaklah telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lain-lain pihak berkuasa dan PERKESO sebelum 1 Jun 2020.
- 3.2 Syarat kelayakan Penjana Kerjaya adalah seperti yang berikut:

3.2.1 Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives*)

Butiran	#MyApprentice	#HireMalaysia		
		40 tahun ke bawah	40 tahun sehingga 60 tahun	Golongan Mudah Terjejas
Insentif Kewangan bagi setiap perantis / pekerja yang diambil	<ul style="list-style-type: none"> RM 600 bagi tempoh maksimum 6 bulan bagi pengambilan perantis terutamanya dalam kalangan fresh graduate RM 800 bagi tempoh maksimum 6 bulan RM 1000 bagi tempoh maksimum 6 bulan RM 1000 bagi tempoh maksimum 6 bulan 			

	<p>ataupun lepasan sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM 1000 bagi tempoh maksimum 6 bulan untuk pengambilan perantis Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kalangan <i>fresh</i> <i>graduate</i> ataupun lepasan sekolah 			
Syarat Elaun/Gaji	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan tidak terikat dengan syarat gaji minima tetapi digalakkan memberi elaun tambahan kepada perantis dan hendaklah tidak kurang daripada bayaran insentif 	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan digalakkan membayar gaji setara dengan kelayakan, kemahiran dan pengalaman kerja kepada pekerja yang diambil. • Majikan tidak boleh membayar gaji lebih rendah dari kadar gaji yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020 iaitu: <ul style="list-style-type: none"> ◦ RM1200.00 sebulan di semua 56 Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran ◦ RM1100.00 sebulan selain daripada 56 Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran di atas. 		

	MyApprentice
Syarat Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan hendaklah mendaftar semua kekosongan jawatan dalam Portal MYFutureJobs (www.myfuturejobs.gov.my) bermula 15 Jun 2020 walaupun kekosongan jawatan yang berkenaan telah didaftarkan di dalam mana-mana portal pekerjaan yang lain. • Majikan digalakkan mengambil calon pekerja dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs. • Sekiranya majikan mengambil calon pekerja selain dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs, majikan hendaklah memastikan agar pekerja yang diambil tersebut kemudiannya berdaftar dengan Portal MYFutureJobs. • Majikan hendaklah mengambil pekerja yang telah kehilangan pekerjaan sekurang-kurangnya 2 bulan kecuali pekerja yang telah berdaftar di bawah Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO dan kehilangan pekerjaan (kecuali mereka yang meletakkan jawatan secara sukarela), peserta Program Return to Work PERKESO, atau graduan baharu yang boleh digajikan serta merta di bawah Program ini. • Pekerja baharu yang telah digajikan di bawah Program ini hendaklah didaftarkan dengan PERKESO di Sistem ASSIST PERKESO dalam tempoh 30 hari selepas pekerja tersebut lapor diri. • Bagi mendapat bayaran <i>Hiring Incentives</i> untuk bulan kedua atau bulan yang seterusnya, majikan hendaklah membayar caruman PERKESO bagi pekerja yang tersebut. • Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (<i>substitute</i>) dengan pekerja yang sama atau yang baharu di bawah Penjana Kerjaya (<i>Hiring Incentive</i>) sepanjang tempoh program ini.

	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan hendaklah menawarkan pekerjaan (employment contract) sekurang-kurangnya satu tahun (salinan kontrak tidak perlu dikemukakan kepada PERKESO) kecuali kategori MyApprentice yang kontrak perkhidmatan hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan. • Pencari kerja atau perantis tempatan yang diambil hendaklah belum mencapai umur 60 tahun. • Pekerja yang telah mengikuti Program #MyApprentice tidak layak menerima insentif pengambilan di bawah #HireMalaysia dalam tempoh pelaksanaan Penjana Kerjaya dengan majikan yang sama. • Majikan hendaklah membuat pengesahan bahawa pekerja yang diambil di bawah kategori Program #HireMalaysia bukan dari kalangan pekerja aktif tetapi hendaklah terdiri daripada mereka yang menganggur atau yang telah diberhentikan kerja oleh majikan lain.
Tarikh Kuat Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya majikan yang mengambil pekerja dan perantis pada atau selepas 15 Jun 2020 layak menerima insentif di atas.
Tarikh Tutup Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh akhir bagi permohonan di bawah Program Penjana Kerjaya adalah pada 31 Disember 2020.

3.2.2 Bantuan Mobiliti (Mobility Assistance)

3.2.2.1 Bantuan Mobiliti adalah diberikan kepada setiap pekerja atau perantis melalui majikan jika kriteria yang berikut dipenuhi:

- i. Pekerja dan perantis yang diambil oleh majikan dibawah program insentif pengambilan ini yang perlu berpindah melebihi 100km dari lokasi semasa pencari kerja bermastautin (satu hala dalam Semenanjung, dalam Sabah atau dalam Sarawak sahaja) adalah layak menuntut bantuan **RM600** melalui majikan; dan
- ii. Sekiranya perpindahan melibatkan antara wilayah dari Sabah ke Sarawak atau ke Semenanjung Malaysia atau sebaliknya layak menuntut **RM1,000** melalui majikan.

3.2.2.2 Majikan bertanggungjawab membuat permohonan kepada PERKESO bagi pihak pekerja. Pekerja hanya layak menerima Bantuan Mobiliti sekali sahaja secara "one-off" sepanjang tempoh Program Penjana Kerjaya.

3.2.2.3 Program Bantuan Mobiliti adalah terpakai bagi pekerja/perantis yang dilantik mulai 15 Jun 2020 tertakluk kepada syarat-syarat Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentives) di perenggan 3.1 dan 3.2.1 atas.

3.2.3 Program Latihan

3.2.3.1 Majikan yang mengambil pekerja (kecuali perantis) di bawah kategori **#HireMalaysia** layak memohon program latihan untuk pekerjanya sekiranya memenuhi kriteria yang berikut:

- i. Majikan yang mengambil pekerja (kecuali perantis) di bawah Penjana Kerjaya layak memohon untuk pekerjanya itu menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (*reskilling & upskilling*) berdasarkan keperluan pekerjaan atau perusahaan majikan;
- ii. Majikan hanya layak memohon dari senarai kursus latihan yang diperakukan oleh PERKESO yang disenaraikan secara terperinci di laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my. Senarai kursus latihan ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa;
- iii. Tempoh latihan di bawah Penjana Kerjaya **tidak melebihi 30 hari**.

3.2.3.2 Majikan adalah **TIDAK LAYAK** memohon Program Latihan IPK di bawah Penjana Kerjaya sekiranya:

- i. Majikan yang menjalankan *In-house training* bagi pekerja mereka sendiri yang diambil di bawah Program Penjana Kerjaya;
- ii. Pekerja yang diambil secara perantis;

- iii. Pekerja yang telah dan sedang mengikuti program latihan yang dibiayai oleh agensi lain sepanjang tempoh pelaksanaan Program Penjana Kerjaya; dan
- iv. Pekerja yang telah mengikuti Program Latihan IPK di bawah Program Penjana Kerjaya.

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1.1 Mulai 1 Julai 2020, majikan yang telah membuat pengambilan pekerja pada atau selepas 15 Jun 2020 boleh membuat permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja, Bantuan Mobiliti dan Program Latihan bagi pekerja yang telah diambil.
- 4.1.2 Majikan boleh membuat permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja, Bantuan Mobiliti dan Program Latihan di laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my.
- 4.1.3 Dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja adalah seperti berikut:
 - i. Maklumat akaun bank majikan (salinan halaman hadapan Penyata Bank / muka depan bulu bank yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank);
 - ii. Maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang telah disahkan oleh pihak bank (*Business Registration Number -BRN*);
 - iii. Maklumat status Golongan Mudah Terjejas seperti OKU dan Peserta program *Return to Work (RTW) PERKESO* bagi majikan yang ingin membuat tuntutan di bawah kategori insentif pengambilan pekerja Golongan Mudah Terjejas dan permohonan perantis OKU.

Nota: Majikan dinasihatkan untuk menyemak maklumat i dan ii di atas adalah betul bagi **mengelakkan** sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.

5. PELAKSANAAN BAYARAN

- 5.1 Bayaran Insentif Pengambilan Pekerja bulan pertama akan dikreditkan ke dalam akaun majikan dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap diterima dan diluluskan. Bayaran insentif bulan seterusnya akan dikreditkan ke dalam akaun majikan selepas PERKESO menerima bayaran caruman majikan berkenaan dengan pekerja yang berkaitan.
- 5.2 Bantuan Mobiliti akan dibayar kepada pekerja melalui majikan secara one-off selepas permohonan lengkap diterima dan diluluskan dan majikan tersebut hendaklah menyalurkan insentif tersebut kepada pekerja.
- 5.3 Yuran Latihan akan dibayar oleh PERKESO kepada penyedia latihan setelah pekerja menyempurnakan kursus yang disertai.
- 5.4 Bantuan Kehadiran Latihan akan dibayar oleh PERKESO kepada pekerja yang telah menyempurnakan kursus yang disertai melalui majikan yang terlibat dan majikan tersebut hendaklah menyalurkan insentif tersebut kepada pekerja.
- 5.5 Kesemua bayaran akan dibayar terus ke akaun majikan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* kecuali Yuran Latihan yang akan dibayar secara EFT kepada penyedia latihan.

6. PELAKSANAAN

- 6.1 Permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives*), Bantuan Mobiliti dan Program Latihan perlu dibuat dengan melengkapkan permohonan secara atas talian di capaian laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my mulai 1 Julai 2020.
- 6.2 Dalam melaksanakan Program ini, PERKESO boleh mengambil tindakan yang berikut:
 - (a) Menolak permohonan oleh majikan atau penyedia latihan jika majikan atau penyedia latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu, tidak benar atau tidak betul pada masa permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, atau jika majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
 - (b) Menangguhkan dan memberhentikan bayaran jika permohonan atau bayaran dibuat oleh PERKESO tersebut adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas; dan
 - (c) Mengambil apa-apa tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran balik Insentif tersebut yang telah dibayar kepada majikan dan penyedia latihan sekiranya majikan atau penyedia latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak

benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi Program Insentif tersebut.


7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-8091 5300/1-300-22-8000 atau e-mel kepada penjanakerjaya@perkeso.gov.my.

8. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Majikan Bil. 7 Tahun 2020 adalah berkuat kuasa serta-merta dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' SRV DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 10 Julai 2020